



**BUKU GARISPANDUAN DAN TATACARA  
PELAKSANAAN PENGAUDITAN TENAGA  
MANUSIA PERKHIDMATAN AWAM  
BAGI AGENSI-AGENSI KERAJAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



**Jabatan Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam**



**BUKU GARISPANDUAN DAN TATACARA  
PELAKSANAAN PENGAUDITAN TENAGA  
MANUSIA PERKHIDMATAN AWAM  
BAGI AGENSI-AGENSI KERAJAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Jabatan Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam**

**Disediakan oleh:**

**Unit Audit Tenaga Manusia  
Bahagian Penyelidikan dan Perancangan  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perdana Menteri**

**Edisi Pertama**



# KATA PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Syukur Alhamdulillah, dengan taufiq dan atas rahmat serta hidayahNya jua, Jabatan Perkhidmatan Awam telah berjaya menerbitkan sebuah buku yang bertajuk “Buku Garispanduan Dan Tatacara Pelaksanaan Pengauditan Tenaga Manusia Perkhidmatan Awam Bagi Agensi-Agensi Kerajaan Negara Brunei Darussalam” yang mana boleh digunakan sebagai bahan rujukan dan digunapakai sebagai garispanduan dalam melaksanakan *self manpower auditing* mengikut keperluan di setiap agensi Kerajaan di Negara Brunei Darussalam.

Buku garispanduan ini antaranya mengandungi penerangan ringkas mengenai latar belakang pelaksanaan audit tenaga manusia perkhidmatan awam, definisi, objektif dan skop pengauditan, serta tatacara pelaksanaan pengauditan yang boleh digunapakai oleh semua Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Pelaksanaan pengauditan tenaga manusia perkhidmatan awam adalah bagi menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Perkhidmatan Awam kali ke-14 tahun 2007, yang antara lain Baginda bertitah “*Beta ingin melihat satu audit dilaksanakan secara terperinci bagi menilai dan menyukat semula keperluan kakitangan di setiap agensi Kerajaan. Kita perlu tahu dengan pasti jumlah kakitangan yang optima yang diperlukan*”.

Justeru itu, Jabatan Perkhidmatan Awam selaku agensi pusat yang memeduli perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia telah diamanahkan untuk merancang, menyelaras, melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti pengauditan tenaga manusia. Di samping itu, Jawatankuasa Pandu Pelaksanaan Audit Tenaga Manusia Perkhidmatan Awam telah ditubuhkan pada 26 Januari 2008 yang merupakan jawatankuasa tertinggi dalam pelaksanaan audit tenaga manusia dan seterusnya menerajui pelaksanaan rancangan pengauditan tenaga manusia perkhidmatan awam bagi memastikan pelaksanaan pengauditan tenaga manusia yang efisien, efektif dan bersistematik.

Pengauditan tenaga manusia adalah bagi membolehkan setiap agensi Kerajaan mengurus sumber tenaga manusianya secara lebih berkesan (*manpower management*), merancang keperluan tenaga manusia masa hadapan secara lebih teratur (*manpower planning*), sekaligus mengorak usaha-usaha dan langkah-langkah strategik untuk memperkembangkan lagi keberkesanan, kecekapan dan kompetensi sumber tenaga manusia secara menyeluruh (*manpower development*). Oleh itu, adalah mustahak untuk menilai dan mengenalpasti keperluan sumber tenaga manusia yang optima dalam sesebuah agensi Kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan awam lebih teratur, produktif dan kompeten selaku jentera pentadbiran Kerajaan yang mantap.

Semoga dengan penerbitan buku garis panduan ini akan dapat memberikan manfaat kepada semua warga perkhidmatan awam dalam melaksanakan *self manpower auditing* di Kementerian dan Jabatan masing-masing ke arah mencapai objektif yang dihasratkan.

Jabatan Perkhidmatan Awam, melalui Unit Audit Tenaga Manusia, Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, selaku agensi yang dipertanggungjawabkan dalam pelaksanaan pengauditan tenaga manusia perkhidmatan awam akan terus berusaha dan membuat pemantauan ke atas aktiviti-aktiviti pengauditan tenaga manusia bagi memastikan keperluan kakitangan yang optima, keramaian kakitangan yang bertepatan (*rightsizing*), dan penempatan yang teratur (*better deployment*) di setiap agensi Kerajaan.

وبالله التوفيق والهداية  
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**AWANG HAJI ABDUL MANAP BIN OTHMAN**  
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

## ISI KANDUNGAN

1.0	LATAR BELAKANG .....	1
2.0	DEFINISI AUDIT TENAGA MANUSIA .....	2
3.0	TUJUAN PENYEDIAAN BUKU GARISPANDUAN .....	3
4.0	OBJEKTIF PENGAUDITAN .....	3
5.0	SKOP PENGAUDITAN .....	4
6.0	PRINSIP ASAS DAN DASAR PENGAUDITAN .....	7
7.0	MODEL PENGAUDITAN .....	11
8.0	TATACARA PENGAUDITAN .....	12
9.0	KESAN PENGAUDITAN .....	16
10	KESIMPULAN .....	16
	LAMPIRAN 1 - TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PANDU.....	17
	LAMPIRAN 2 - TERMA RUJUKAN UNIT PEMANTAUAN.....	19
	LAMPIRAN 3 - TERMA RUJUKAN UNIT AUDIT TENAGA MANUSIA.....	21
	LAMPIRAN 4 - STRUKTUR ORGANISASI AUDIT TENAGA MANUSIA .....	23
	LAMPIRAN 5 - CONTOH BORANG KAJI SELIDIK .....	25
	LAMPIRAN 6 - CONTOH LAPORAN PENGAUDITAN .....	34





## 1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Pelaksanaan pengauditan tenaga manusia perkhidmatan awam adalah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Perkhidmatan Awam kali ke-14 tahun 2007, yang antara lain Baginda bertitah:-

*“Beta ingin melihat satu audit dilaksanakan secara terperinci bagi menilai dan menyukat semula keperluan kakitangan di setiap agensi Kerajaan. Kita perlu tahu dengan pasti jumlah kakitangan yang optima yang diperlukan”*

*“Di samping itu, pengauditan juga perlu turut mengambil kira penilaian orang ramai yang menerima perkhidmatan daripada agensi-agensi Kerajaan, pada misalnya, dengan melakukan ‘Kajian Kepuasan Pelanggan’. Dalam makna, ukuran kecemerlangan itu hendaklah dinilai, bukan hanya dari kaca mata pihak yang memberikan perkhidmatan semata-mata, tetapi juga dari penilaian pelanggan”*

- 1.2 Berikutan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut, Jawatankuasa Pandu Pelaksanaan Audit Tenaga Manusia Perkhidmatan Awam (*Steering Committee*) telah ditubuhkan pada 26 Januari 2008 bagi membantu dalam penyediaan dasar dan garis panduan audit dan seterusnya memastikan pelaksanaan *manpower audit* yang efisien, efektif dan bersistematik. **Huraian Bidang Tugas (*Terms of Reference*) adalah seperti di Lampiran 1.**
- 1.3 Ke arah penambahbaikan yang berterusan dalam pelaksanaan pengauditan tenaga manusia, Unit Pemantauan Pelaksanaan Audit Tenaga Manusia Perkhidmatan Awam (*Monitoring Unit*) juga telah ditubuhkan secara dalaman di Jabatan Perkhidmatan Awam yang mana diketuai oleh Yang Mulia Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam. Unit Pemantauan ini bertujuan untuk membantu Jawatankuasa Pandu dalam memastikan pelaksanaan audit teratur dan menepati objektifnya. **Huraian Bidang Tugas (*Terms of Reference*) adalah seperti di Lampiran 2.**

- 1.4 Unit Audit Tenaga Manusia, Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Jabatan Perkhidmatan Awam dipertanggungjawabkan untuk merancang, menyelaras, dan melaksanakan pengauditan tenaga manusia perkhidmatan awam ke atas agensi-agensi Kerajaan. Manakala aktiviti-aktiviti pemantauan pengauditan tenaga manusia dipertanggungjawabkan kepada Unit Pemantauan, yang mana Urusetia kepada Unit Pemantauan adalah Unit Perkhidmatan Sumber Manusia di Jabatan Perkhidmatan Awam. **Huraian Bidang Tugas (*Terms of Reference*) Unit Audit Tenaga Manusia adalah seperti di Lampiran 3, manakala Struktur Organisasi Audit Tenaga Manusia Perkhidmatan Awam adalah seperti di Lampiran 4.**
- 1.5 Pengauditan tenaga manusia diharap akan dapat membantu pihak pengurusan dalam memastikan penggunaan tenaga manusia yang optima dan dalam masa yang sama memberikan amaran awal masalah yang bakal dihadapi jika langkah-langkah awal tidak diambil mengenainya.

## 2.0 DEFINISI AUDIT TENAGA MANUSIA

- 2.1 Satu proses yang sistematik untuk mengukur, menilai dan mengenalpasti keperluan sumber tenaga manusia yang optima dalam sesebuah agensi Kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan awam lebih terurus, teratur, produktif dan kompeten selaku jentera pentadbiran Kerajaan yang mantap.
- 2.2 Pengauditan tenaga manusia juga adalah satu proses yang berterusan bagi membolehkan agensi yang diaudit mengurus sumber tenaga manusia secara lebih berkesan (*manpower management*), merancang keperluan tenaga manusia masa hadapan secara lebih teratur (*manpower planning*), sekaligus mengorak usaha-usaha dan langkah-langkah strategik untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan, kecekapan dan kompetensi sumber tenaga manusia secara menyeluruh (*manpower development*).
- 2.3 Pengauditan tenaga manusia direka dengan memberikan penekanan terhadap proses penilaian ke atas tugas dan tanggungjawab penjawat jawatan (*job and responsibility*), dan bukannya penjawat jawatan (*person*). Oleh itu, pengauditan tenaga manusia secara amnya adalah mengenai jumlah sumber tenaga manusia yang bertepatan (*right size*), dan bukannya mengenai pengurangan sumber tenaga manusia (*down size*).

### 3.0 TUJUAN PENYEDIAAN BUKU GARISPANDUAN

- 3.1 Untuk menyediakan panduan terutama kepada agensi-agensi Kerajaan dalam melaksanakan pengauditan tenaga manusia (*self manpower auditing*) yang bersistematik dan teratur.
- 3.2 Memberi kefahaman tentang tatacara pelaksanaan pengauditan tenaga manusia dengan lebih mudah dan seterusnya menjadikannya sebagai bahan rujukan.

### 4.0 OBJEKTIF PENGAUDITAN

- 4.1 Bagi memastikan:-
- i. Keramaian tenaga kerja yang bertepatan (*Rightsizing*);
  - ii. Penempatan yang teratur dan sempurna (*Better Deployment*);
  - iii. Pengurangan pembaziran tugas dan tanggungjawab yang bertindih-tindih (*Reduce Wastages and Duplication of Work*).
- 4.2 Membantu agensi-agensi yang diaudit dalam mengenalpasti:-
- i. Keperluan mengemaskini / mewujudkan Skim Perkhidmatan;
  - ii. Keperluan mengemaskini / menyelaraskan struktur organisasi;
  - iii. Keperluan mengisikan jawatan-jawatan kosong;
  - iv. Kursus / latihan yang diperlukan.

## 5.0 SKOP PENGAUDITAN

5.1 Dalam melaksanakan kerja-kerja pengauditan tenaga manusia, empat [4] aspek utama yang diambil perhatian adalah:-

**i. NEEDS**

Keperluan sama ada tugas dibuat benar-benar diperlukan / bertepatan dengan peranan jabatan atau sebaliknya;

**ii. ORGANISATIONAL STRUCTURE**

Memastikan sama ada struktur organisasi selaras dengan tujuan utama dengan melihat kepada peringkat pengurusan (*levels of management*) dan jarak pengawalan (*spans of control*);

**iii. NUMBERS**

Keramaian penjawat jawatan termasuk bebanan tugas bagi memastikan jumlah yang bertepatan dan tidak melebihi daripada jumlah yang diperlukan;

**iv. GRADES**

Kesesuaian jawatan dengan tanggagaji.

5.2 Aspek-aspek lain yang turut diambil perhatian dalam pengauditan adalah seperti berikut:-

**i. Kursus / Latihan**

**ii. Bebanan Kerja (*Workload*)**

**iii. Persekitaran Tempat Bertugas**

**iv. Sistem Fail**

**v. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Info-Komunikasi (ICT)**

**vi. Manual Prosedur Kerja (MPK)**

5.3 Perluasan aspek yang juga diambil kira dalam pengauditan adalah seperti berikut:-

**i. Pertindihan Tugas (*Duplication*)**

Pertindihan tugas sama ada di antara bahagian / unit atau di kalangan pegawai / kakitangan yang membuat kerja yang sama.

**ii. Lebihan Kakitangan (*Redundancy*)**

Pembaziran sumber tenaga manusia bilamana jumlah kakitangan melebihi daripada tahap optima yang diperlukan jika dibandingkan dengan jumlah bebanan tugas (*volume of workload*) yang dibuat.

**iii. Proses Berulang-Ulang (*Repetitive*)**

Proses kerja yang berulang-ulang di kalangan pegawai dan kakitangan.

**iv. Bukan Tugas Utama (*Non-Core Business*)**

Tugas yang dilaksanakan lebih banyak bersifat kepada tugas sampingan dan bukannya tugas dan peranan utama yang sepatutnya.

**v. Tidak Streamline (*Red Tapes*)**

Proses kerja dan tatacara yang dibuat melalui beberapa saluran sama ada di kalangan kakitangan mahupun bahagian yang mana sepatutnya boleh dibuat melalui satu atau dua saluran sahaja bagi mempercepatkan proses kerja berkenaan tanpa menjejaskan keberkesanan proses tersebut.

**vi. Kelulusan (*Professional Capacity*)**

Kelulusan akademik dan kemahiran profesional yang bersesuaian dengan bidang tugas seseorang pegawai dan kakitangan untuk melaksanakan tugas yang diberikan.

**vii. Jawatan-Jawatan Kosong**

Jawatan-jawatan kosong yang mempunyai peruntukan di dalam Anggaran Perbelanjaan Tahunan yang mana masih belum diisikan.

**viii. Keperluan Bermusim (*Seasonal Requirement*)**

Kerja-kerja yang dibuat merupakan keperluan bermusim atau berkala.

**ix. Pembaziran Sumber (*Wastage Of Resources*)**

Pembaziran sumber bukan sahaja dari segi kewangan, malahan juga dari segi masa dan tenaga. Pembaziran sumber terjadi seperti dari segi peruntukan kewangan bila mana terdapatnya sumber tenaga manusia yang berlebihan berbanding dengan bebanan tugas, perbelanjaan pejabat yang tidak sepatutnya, kedatangan pegawai dan kakitangan ke pejabat yang tidak mengikut waktu pejabat tanpa alasan yang munasabah dan lain-lain.

**x. Kompetensi (*Competency*)**

Tahap kebolehan dan kecekapan pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, sekaligus melihat sejauh mana penekanan diambil ke atas usaha-usaha dalam peningkatan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang berterusan seperti pemberian peluang-peluang kursus dan latihan untuk meningkatkan produktiviti dan kompetensi sumber tenaga manusia yang ada.

**xi. Tatatertib (*Discipline*)**

Kepekaan dalam mematuhi peraturan-peraturan pejabat dari segi kelakuan dan tatatertib seperti kehadiran bekerja, keluar semasa waktu pejabat dan sebagainya yang boleh menjejaskan pelaksanaan tugas harian.

**xii. Pemberian Perkhidmatan Pelanggan**

Perkhidmatan yang diberikan seharusnya memenuhi keperluan dan memberikan kepuasan kepada pelanggan (orang ramai) sepertimana yang dikehendaki.

**xiii. Penggunaan Piawaian Dan Kaedah Terbaik (*Standards And Best Practices*)**

Pengauditan melihat kepada sejauh mana kaedah-kaedah terbaik atau penggunaan piawaian antarabangsa digunapakai oleh sesebuah agensi yang diaudit.

---

## 6.0 PRINSIP ASAS DAN DASAR PENGAUDITAN

- 6.1** Pengauditan dalaman tenaga manusia di setiap agensi Kerajaan perlu diadakan sekurang-kurangnya setiap dua [2] tahun sekali bagi membolehkan Unit Audit Tenaga Manusia, Jabatan Perkhidmatan Awam melakukan aktiviti pemantauan pengauditan yang berterusan.
- 6.2** Aktiviti pengauditan tenaga manusia mestilah berdasarkan kepada prinsip, dasar dan prosedur-prosedur pengauditan tenaga manusia yang telah diamalkan secara lazimnya, iaitu seperti berikut:-

### 6.2.1 KONSEP PENGAUDITAN TENAGA MANUSIA

- i. Konsep utama pengauditan tenaga manusia ialah pengauditan dibuat ke atas tugas dan tanggungjawab penjawat jawatan (*job and responsibility*) dan bukannya penjawat jawatan (*person*);
- ii. Kerja-kerja yang berkaitan hendaklah dikenalpasti dan dinyatakan dengan jelas;
- iii. Pasukan audit hendaklah mempunyai pengetahuan mengenai bidang tugas yang dikendalikan oleh agensi yang diaudit;
- iv. Pengauditan tenaga manusia adalah berasaskan kepada pertimbangan dan kesimpulan yang objektif;
- v. Jumlah yang bersesuaian (*sampling*) akan digunakan untuk tujuan kaji selidik bagi penjawat jawatan yang mengendalikan tugas dan tanggungjawab yang sama dan jumlah berkenaan hendaklah representatif bagi keseluruhan kumpulan berkenaan;
- vi. Huraian tugas yang *standard*, rekod, dokumen-dokumen dan laporan-laporan yang tepat akan digunakan;
- vii. Pasukan audit mempunyai kuasa (*authority*) untuk mengadakan kaji selidik ke atas semua pegawai dan kakitangan di bawah taraf Setiausaha Tetap;

- viii. Dalam menjalankan kerja-kerja temuduga pengauditan (*fieldwork*), pasukan audit dianggotai oleh sekurang-kurangnya dua [2] orang yang mana salah seorang berperanan sebagai pencatit dan seorang lagi mengajukan soalan.

### 6.2.2 SKOP PROGRAM PENGAUDITAN TENAGA MANUSIA

Program pengauditan tenaga manusia akan melibatkan keseluruhan gred dan penjawat jawatan dalam perkhidmatan awam termasuk perkhidmatan *open vote* dan pekerja bergaji hari serta perkhidmatan berkontrak.

### 6.2.3 SAMPLING

Jika terdapat pemegang jawatan yang mengendalikan tugas dan tanggungjawab yang sama, maka jumlah yang bersesuaian (*sampling*) akan digunakan. Walaubagaimanapun, *sampling* berkenaan hendaklah representatif. Dalam hubungan ini, jika perlu, khidmat nasihat daripada pakar statistik akan diperolehi / didapati dalam menetapkan jumlah keramaian (*sampling*) yang bersesuaian.

### 6.2.4 DESK AUDITS

Berkemungkinan akan dilakukan pengauditan dengan cara *desk audit* iaitu pasukan audit akan melaksanakan kerja-kerja pengauditan menggunakan bukti-bukti bertulis seperti borang pemeriksaan huraian tugas (*job descriptions*) ditambah dengan dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

### 6.2.5 PENANDA ARASAN (*BENCHMARKING*)

Peranan dalam mengendalikan tugas-tugas menggunakan penanda arasan (*benchmarking*) adalah sangat kritikal. Sekurang-kurangnya dua [2] jawatan akan dipilih dari setiap gred untuk dikaji selidik (kecuali dalam keadaan jika hanya seorang sahaja dalam gred berkenaan). Tertakluk kepada keramaian bagi tiap-tiap gred dan jumlah keramaian yang akan ditemuduga, kira-kira 15% jawatan dalam satu-satu gred akan ditanda arasan (*benchmarked*). Jawatan-jawatan berkenaan adalah sebagai representatif untuk dijadikan sebagai ukuran bagi tujuan pembentukan dan pengemaskinian dan dijadikan sebagai perbandingan ke atas jawatan-jawatan yang sama dalam sesuatu gred.

---



Jawatan-jawatan berkenaan adalah merupakan jawatan utama dalam pelbagai peringkat atau bidang kerja dalam organisasi dan berperanan sebagai titik rujukan (*reference points*) bagi jawatan-jawatan lain. Kriteria pemilihan jawatan-jawatan berkenaan termasuk:-

- i. Representatif kepada keseluruhan lingkungan jawatan yang berkaitan dengan jawatan yang ditanda arasan;
- ii. Jawatan-jawatan berkenaan merupakan jawatan yang diketahui dengan mendalam oleh pasukan audit dan sangat bersesuaian;
- iii. Jawatan-jawatan berkenaan merupakan jawatan yang kekal dan tidak akan berubah-ubah;
- iv. Pemegang jawatan mempunyai kemahiran, pengetahuan dan tanggungjawab yang jelas.

#### 6.2.6 SISTEM PENILAIAN TUGAS (*JOB EVALUATION SYSTEM*)

Sistem pengkelasan / gred tugas (*job classification*) adalah kaedah yang menggunakan tatacara penggredan (*grading guidance*) dan penanda arasan tugas (*benchmark job*). Melalui kaedah berkenaan, keseluruhan tugas akan diteliti dan mengaitkannya dengan struktur gred yang sedia ada dan seterusnya menempatkannya di gred yang bersesuaian. Proses penggredan termasuk:-

- i. Menganalisa bidang tugas dengan menggunakan Borang Perjawatan dan Huraian Tugas, hasil dari maklumat temuduga dan maklumat-maklumat yang berkaitan;
- ii. Mengenalpasti dan menjumlahkan (*quantify*) aktiviti-aktiviti kerja;
- iii. Menganalisa setiap aktiviti utama;
- iv. Penggredan aktiviti-aktiviti utama (dengan menggunakan tatacara penggredan (*grading guidance*) dan keterangan penanda arasan tugas (*benchmark job description*);
- v. Penggredan keseluruhan tugas.

### **6.2.7 MENGELAKKAN DARIPADA KESAN YANG TIDAK BAIK KE ATAS PEGAWAI / KAKITANGAN**

Pengauditan tenaga manusia tidak akan mendatangkan kesan yang tidak baik terhadap pegawai / kakitangan yang sedia ada. Ini bermakna tidak akan ada pegawai / kakitangan yang akan diberhentikan kerja akibat daripada pengauditan berkenaan. Tujuan sebenar pengauditan ialah penyelarasan, penempatan semula dan termasuk penambahbaikan dalam aspek-aspek tertentu yang telah ditetapkan.

### **6.2.8 PENGLIBATAN PEGAWAI / KAKITANGAN**

Penglibatan pegawai / kakitangan yang komited serta konsultasi dari mula program pengauditan adalah dimestikan bagi memastikan perjalanan pengauditan tenaga manusia yang efisien dan efektif. Pegawai dan kakitangan di semua peringkat hendaklah memberi kerjasama padu bagi membantu pasukan audit mencapai matlamat yang dihasratkan.

### **6.2.9 KUASA PASUKAN AUDIT**

Pasukan audit yang dilantik adalah diberi kuasa untuk mengakses mana-mana maklumat, sistem kerja (*work systems*) dan menemuduga pegawai / kakitangan yang diperlukan bagi tujuan pengauditan. Segala maklumat hasil pengauditan yang diperolehi akan dirahsiakan. Ianya tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan kecuali dalam kes-kes tertentu yang terkandung dalam bidang tugas mahupun undang-undang.

### **6.2.10 KEBEBASAN**

Pasukan audit yang dilantik mempunyai kebebasan dalam melaksanakan kerja-kerja pengauditan dan membuat cadangan / sokongan yang berkaitan dengan pengauditan tenaga manusia mengikut bidang kuasa yang ditentukan. Pasukan audit juga mempunyai kebebasan meskipun tugas-tugas yang dilaksanakan itu di luar daripada pelan kerja yang dipersetujui. Pasukan audit tidak akan bertanggungjawab membuat kerja-kerja lain selain daripada pengauditan tenaga manusia. Sekiranya diarahkan untuk menjalankan kerja-kerja selain daripada pengauditan maka mereka akan dianggap tidak melaksanakan tugas pengauditan.

---

## 7.0 MODEL PENGAUDITAN

7.1 Model pengauditan tenaga manusia menunjukkan tujuh [7] langkah dalam satu aktiviti pengauditan yang bersistematik, iaitu seperti berikut:-

**Rajah 1: 7 Langkah Pengauditan**



## 8.0 TATACARA PENGAUDITAN

### 8.1 PERANCANGAN PENGAUDITAN (PELAN TINDAKAN)

Perancangan asas yang perlu dilaksanakan sebelum mengadakan aktiviti pengauditan tenaga manusia di setiap agensi Kerajaan adalah seperti berikut:-

- i. Menubuhkan Jawatankuasa atau Unit Audit Dalam Tenaga Manusia di peringkat Kementerian yang mana akan bertanggungjawab dalam pelaksanaan pengauditan tenaga manusia ke atas Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya;
- ii. Menentukan terma rujukan Jawatankuasa atau Unit Audit Dalam Tenaga Manusia yang ditubuhkan;
- iii. Menentukan pasukan audit yang terdiri daripada sekumpulan pegawai atau kakitangan yang akan menjalankan kerja-kerja pengauditan;
- iv. Memastikan skop pengauditan yang akan digunakan adalah mengikut sukat-sukat sepertimana yang telah ditetapkan;
- v. Mengenalpasti agensi serta saiz keramaian pegawai dan kakitangan yang akan diaudit;
- vi. Menentukan jangka tempoh masa pengauditan tertakluk kepada saiz keramaian pegawai dan kakitangan dalam agensi yang akan diaudit;
- vii. Menyediakan borang kaji selidik pengauditan dan soalan-soalan temuduga. **(Contoh borang kaji selidik seperti di Lampiran 5).**

## 8.2 PELAKSANAAN PENGAUDITAN

Setelah perancangan asas dan pelan tindakan disediakan, aktiviti pelaksanaan pengauditan adalah termasuk perkara-perkara berikut:-

- i. Memaklumkan kepada agensi yang akan diaudit (*Audit Notification*) dengan meminta maklumat-maklumat yang diperlukan dalam pengauditan seperti berikut:-
  - Fungsi dan peranan utama;
  - Carta struktur organisasi;
  - Butir-butir lengkap setiap jawatan iaitu meliputi dari nama pemegang jawatan, gelaran jawatan, tanggagaji, penempatan dan lain-lain keterangan berkaitan;
  - Sebarang perangkaan (statistik) yang berkaitan dengan setiap bebanan tugas; dan
  - Manual Prosedur Kerja (MPK), Fail Meja, Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dan lain-lain yang diperlukan.
- ii. Mengedar borang kaji selidik pengauditan kepada agensi yang akan diaudit untuk diisi oleh kesemua pegawai dan kakitangan di setiap peringkat;
- iii. Menentukan jumlah keramaian (*sampling*) serta senarai pegawai dan kakitangan yang akan ditemuduga;
- iv. Mengadakan mesyuarat kemasukan pengauditan (*Entrance Meeting*) yang akan dihadiri oleh pasukan audit dan ketua-ketua bahagian dari agensi yang diaudit. Antara perkara-perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:-
  - Memperkenalkan pasukan audit dan menyatakan tujuan pengauditan;
  - Memaklumkan bila tarikh pengauditan bermula dan jadual pengauditan;
  - Jangkaan tempoh masa pengauditan;
  - Mendapatkan taklimat mengenai agensi yang diaudit.
- v. Mengadakan temuduga (*fieldwork*) yang bertujuan untuk:-
  - Mengenalpasti perkara-perkara yang perlu diperbaiki dan mencadangkan pembaharuan bagi mencapai matlamat strategik organisasi berkenaan;
  - Membuat cadangan / sokongan terhadap struktur organisasi yang paling tepat dan bersesuaian dengan mengambil kira di antara pemberian perkhidmatan dengan keperluan tenaga manusia dalam organisasi;

- Mengenalpasti keperluan sebenar pegawai / kakitangan pada tahap optima dengan cara penempatan yang teratur dan sempurna serta mengurangkan pembaziran tugas dan tanggungjawab yang bertindih-tindih;
- Membuat penganalisan dan penilaian ke atas kesesuaian tugas dan tanggungjawab penjawat jawatan yang mengendalikan sesuatu tugas;
- Mendapatkan dan menganalisa apa jua maklumat-maklumat / data-data yang berkaitan yang diperlukan dalam pengauditan termasuk perangkaan-perangkaan (statistik), Manual Prosedur Kerja (MPK), Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dan lain-lain sebagai rujukan;
- Meneliti dan membuat penilaian penggunaan sumber-sumber penggunaan teknologi maklumat dan info-komunikasi serta peralatan-peralatan pejabat termasuk komputer, mesin cetak (*printer*), mesin salinan gambar (*photocopy*) dan lain-lain yang berkenaan;
- Mengadakan pemeriksaan yang meliputi persekitaran pejabat dan meneliti proses bagi setiap permohonan termasuk sistem fail dan lain-lain yang berkenaan;
- Memberi perhatian khusus ke atas isu-isu yang mungkin menjejaskan keberkesanan sesuatu tugas;
- Memberi perhatian khusus ke atas kemungkinan adanya kelemahan dalam pengurusan yang menjejaskan perkhidmatan;
- Membuat cadangan penyelesaian bagi mengatasi kelemahan ke arah perkhidmatan yang lebih berkesan.

### 8.3 MENGANALISA PENEMUAN-PENEMUAN / MENYEDIAKAN LAPORAN AUDIT

Setelah selesai mengadakan kajian dan temuduga (*fieldwork*) serta mendapatkan maklumat-maklumat / data-data yang diperlukan, pasukan audit akan menganalisa penemuan-penemuan dan seterusnya menyediakan laporan pengauditan. Laporan berkenaan antara lain mengandungi perkara-perkara berikut:-

- i. Penemuan-penemuan yang diperolehi semasa pengauditan;
- ii. Cadangan-cadangan pasukan audit untuk memastikan jumlah kakitangan yang optima dan lain-lain cadangan ke arah pembaikan organisasi.

**(Contoh laporan pengauditan seperti di Lampiran 6)**

---

#### 8.4 PENUTUPAN PENGAUDITAN (*EXIT MEETING*)

Setelah laporan selesai disediakan yang mana telah mendapat pengesahan dan kebenaran daripada pihak yang berkenaan (misalannya jika ada jawatankuasa dalaman tertentu), mesyuarat penutupan pengauditan (*Exit Meeting*) akan diadakan yang mana akan dihadiri oleh pasukan audit yang dilantik dan ketua-ketua bahagian dari agensi yang diaudit.

Dalam perjumpaan tersebut, penemuan-penemuan dan cadangan-cadangan audit akan dibentangkan oleh ketua pasukan audit dan seterusnya akan dibincangkan bersama dengan agensi yang diaudit, yang antara lain membincangkan perkara-perkara seperti berikut:-

- i. Keseluruhan penemuan-penemuan pengauditan;
- ii. Cadangan-cadangan pembaikan dan sokongan audit yang perlu dilaksanakan;
- iii. Mendapatkan maklumbalas daripada agensi yang diaudit mengenai penemuan-penemuan dan cadangan-cadangan audit;
- iv. Menetapkan tempoh jangka masa bagi agensi yang diaudit untuk membuat pelaksanaan ke atas cadangan-cadangan audit;
- v. Mengambil maklum dan membuat catatan jika terdapat percanggahan daripada agensi yang diaudit terhadap penemuan-penemuan dan cadangan-cadangan audit.

#### 8.5 MENDAPATKAN PENGESAHAN DAN KEBENARAN (*ENDORSEMENT*) DARIPADA SETIAUSAHA TETAP DI KEMENTERIAN MASING-MASING

Laporan akhir pengauditan (*finalised report*) akan dikemaskini setelah menerima maklumbalas daripada agensi yang diaudit semasa *Exit Meeting* yang telah diadakan, dan seterusnya dihadapkan kepada Setiausaha Tetap di Kementerian masing-masing yang akan membuat penilaian dan memberikan ketetapan mengenai laporan pengauditan berkenaan.

#### 8.6 MENGHADAPKAN LAPORAN PENGAUDITAN KEPADA UNIT AUDIT TENAGA MANUSIA, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Laporan pengauditan hasil daripada audit dalaman tenaga manusia yang telah mendapat pengesahan dan kebenaran Setiausaha Tetap di Kementerian masing-masing hendaklah dihadapkan kepada Unit Audit Tenaga Manusia, Jabatan Perkhidmatan Awam bagi tindakan pemantauan pengauditan selanjutnya.

## 9.0 KESAN PENGAUDITAN

- 9.1 Penggunaan sumber manusia secara optima yang didapati melalui kaedah pengauditan tenaga manusia boleh mengurangkan pembaziran sumber bukan sahaja dari segi kewangan, malahan juga dari segi masa dan tenaga (*minimum wastage of resources*).
